

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Satu daripada indikator penting kepada ketamadunan dan pembangunan sesuatu bangsa ialah berkembang pesatnya industri penerbitan yang bertanggungjawab mencerdaskan anak bangsa (Shaharom & Salasiah, hal. 123). Ketinggian satu-satu tamadun itu dilihat mempunyai hubung kait yang rapat dengan industri penerbitannya.

Menurut Hassan Ahmad (1988, hal. 362), buku adalah satu keperluan asas dalam kehidupan sehari-hari selain makanan, pakaian, dan tempat berteduh. Buku adalah penting kerana ia membantu kita ke arah pembentukan teknologi yang lebih sofistikated menerusi informasi, kualiti, dan sebagainya. Menerusinya, proses pembangunan diri, masyarakat, dan negara mudah tercapai. Oleh yang demikian, entiti-entiti yang terlibat dalam industri ini begitu memainkan peranan yang penting.

Definisi buku oleh Eisenteon, E.L. pula menyebut buku sebagai bahan asas penting dalam perkembangan dan pembangunan literasi. Tanpa literasi, kemajuan dan perubahan sosial mungkin tidak dapat berlaku. Kepentingan literasi dan peranan buku sebagai satu elemen yang menyumbang kepada perubahan sosial adalah amat sukar dinilai berbanding dengan elemen yang lain.

Semua penerbit, tidak kira besar atau kecil harus mempunyai tenaga pekerja yang dapat bekerja dalam satu pasukan yang bergerak dalam beberapa jabatan – penerbitan, pengeluaran, jualan, khidmat pelanggan, publisiti, dan sebagainya. Ini kerana proses penerbitan itu melibatkan proses penghasilan, pengeluaran, dan penyebaran buku.

Greenfeld (1976, halaman 25) berpendapat adalah lebih baik jika pekerja di jabatan-jabatan tersebut mempunyai ilmu berkenaan kerja di jabatan lain. Seorang editor yang mempunyai pengetahuan akan pengeluaran buku adalah lebih bernilai berbanding dengan editor yang tidak mengetahui akan bagaimana buku itu terhasil. Hal yang sama, jabatan pengeluaran sepatutnya sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh jabatan jualan, dan juga jabatan publisiti harus tahu berhubung rapat dengan jabatan penerbitan.

Geiser, Dolin, dan Topkins (dalam Hamed, hal. 88, 1996) menyatakan betapa pentingnya editor membuat keseimbangan antara pengetahuannya dalam soal penyuntingan dan pengetahuan tentang soal-soal pasaran buku. Pengetahuan editor dalam soal perniagaan buku akan menjadikan editor itu lebih teliti sebelum mencadangkan judul buku untuk diterbitkan.

Hal yang sama turut ditegaskan oleh Rawson (1983, hal. 35) apabila memperkatakan peranan editor dalam pemasaran. Menurut beliau, editor yang tahu sasaran betul buku itu, pengetahuan bagaimana buku itu boleh sampai kepada pembaca,

adalah dalam keadaan yang selesa di mana buku itu boleh membantu penulis apatah lagi penerbit berbanding dengan editor yang tidak tahu apa-apa.

Dalam sesebuah organisasi penerbitan itu perlu mempunyai komponen yang berfungsi merealisasikan penghasilan sesebuah buku. Komponen tersebut ialah bahagian editorial, pengeluaran, dan pemasaran. Dan setiap bahagian itu memainkan peranan penting. Dan bahagian-bahagian ini juga harus dilengkapi dengan alat-alat kemahiran dan teknik untuk satu sistem pengurusan yang berorientasikan pekerja.

Sistem organisasi penerbitan yang ideal banyak dibantu oleh sistem pengurusan dan pentadbiran yang cekap. Kejayaan sesuatu organisasi itu mencapai objektif-objektif dan memenuhi keperluan masyarakat bergantung kepada had kecekapan para pengurusan organisasi bagi memperolehi hasil yang tidak mungkin tercapai oleh seorang individu sahaja.

Menurut Mary Parker Follet, pengurus bertindak memenuhi matlamat-matlamat organisasi dengan cara menguruskan orang lain supaya melakukan apa-apa tugas yang difikirkan perlu tanpa mereka sendiri melakukannya. Dengan kata-kata lain, seorang pengurus penerbitan itu harus menggunakan konsep Pengurusan 4M, iaitu merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal.

Fungsi	Penjelasan
1. Merancang	Mengadakan matlamat dan tatacara mempergunakan sumber-sumber yang ada
2. Mengorganisasi	Pengagihan tugas dan sumber-sumber
3. Memimpin	Berkeupayaan berkomunikasi, memberi arahan, tunjuk ajar
4. Mengawal	Memastikan kemajuan selaras dengan piawai dan matlamat


Rajah grafik 1: Fungsi yang dilakukan oleh pengurus

Banyak faktor yang mempengaruhi rentak dan corak dunia penerbitan seperti pengeluaran, pemasaran dan masalahnya sendiri yang secara langsung turut mempengaruhi perkembangan proses editorial dalam penerbitan buku selain daripada pengurusan. Namun harus diingat sistem pengurusan yang cekap dapat menjimatkan kos penerbitan organisasi, masa dan juga tenaga. Oleh itu entiti yang terlibat harus bijak mengaplikasikan teori pengurusan dalam tugas harian beliau.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat kesan daripada amalan pengurusan editorial yang wujud dan dilaksanakan oleh syarikat penerbitan buku. Kajian hanyalah tertumpu kepada amalan sistem pengurusan editorial di Jabatan Editorial syarikat penerbitan yang terbabit.

Kajian ini juga hanya tertumpu kepada tiga entiti yang terlibat dalam pengurusan editorial sepenuhnya, iaitu seorang Pengurus Penerbitan dan dua orang Editor Pengurusan. Ini kerana fungsi pengurusan bukan sahaja dipertanggungjawabkan kepada seorang pengurus besar atau pengarah tetapi kepada penyelia atau kedua-dua bahagian yang berada di dalam organisasi.



Rajah grafik 2: Peringkat-peringkat pengurusan dalam hierarki organisasi

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada tujuan yang dinyatakan di atas timbul pula objektif kajian.

Kajian ini cuba:

- (a) Untuk melihat bentuk pengurusan editorial penerbit
- (b) Untuk menentukan masalah yang timbul berkaitan pengurusan editorial
- (c) Untuk melihat keberkesanan sistem yang diperkenalkan dalam pengurusan editoria
- (d) Untuk melihat impak pengurusan editorial ke atas penerbitan buku itu sendiri

Keberkesanan pengurusan editorial ini dapat diukur apabila pengeluaran buku yang dapat sampai kepada pengguna tepat pada masanya. Ini merupakan faktor kuantitatif yang dapat diukur, iaitu pencapaian dapat dibandingkan mengikut piawaian yang ditetapkan.

1.4 Kewajaran Kajian

Dalam usaha menerbitkan buku, pihak syarikat penerbitan perlu memperuntukkan sejumlah wang untuk membiayai kos penerbitan buku tersebut. Oleh yang demikian, pengurus yang dilantik perlulah mempunyai kelebihan membentuk organisasi dan masa depan syarikat.

Pengurusan editorial yang efisien adalah perlu dan penting dalam penerbitan. Ini adalah kerana pencapaian matlamat organisasi melalui cara yang berkesan dan efisien adalah melalui kepimpinan dan kesempurnaan organisasi. Pengurus Penerbitan harus dilantik kerana kebolehannya membentuk organisasi dan masa depan.

Kesan daripada sistem pengurusan editorial yang tidak efisien dan tidak cekap boleh dilihat apabila kelewatan buku di pasaran, dan tidak mencapai jumlah judul yang sepatut diterbitkan pada akhir tahun kewangan penerbit.

Antara masalah yang dapat dilihat dan timbul apabila buku lewat diterbitkan daripada perancangan ialah:

- (a) ruang buku penerbit pasti diambil alih oleh pesaing

- (b) rugi masa dan urusan penghantaran juga pos jika terdapat sesuatu judul yang tidak dapat diterbitkan serentak (bagi judul bersiri)
- (c) diterbitkan serentak (bagi judul bersiri)

Jabatan Editorial dipilih kerana ia dilihat sebagai nadi penting dalam organisasi penerbitan. Ini kerana pihak Pengurusan Penerbitan bukan sahaja perlu bijak menangani masalah-masalah dalam proses penerbitan itu seperti pengurusan penulis, editor juga mencari idea-idea baru dalam penerbitan. Pengurusan yang bijak juga dapat menangani masalah kelewatan penerbitan dari jadual yang telah ditetapkan.

Menurut Hassan Ahmad (2000) penerbit yang mengambil masa empat tahun, atau tiga tahun, atau dua tahun, satu tahun, malah lebih enam bulan untuk menerbitkan manuskrip, tidak akan hidup lama, tidak kira betapa besar organisasi penerbit itu. Menurut beliau lagi, perancangan program penerbitan yang melibatkan tarikh terbitan amat penting.

Huenefeld (1978) berpendapat penerbitan buku melibatkan tujuh perkara yang jelas. Kerja antara lainnya juga turut menekankan pengurusan dan editorial, iaitu pengurusan, perkembangan editorial, pemasaran, pengeluaran, *fulfilment*, pentadbiran kewangan, dan pentadbiran kemudahan. Menurut beliau lagi, kesudahan keberkesanan mana-mana program penerbitan bergantung sejauh mana tujuh fungsi di atas berinteraksi, saling membantu dan kekadang bersaing.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian pengkaji hanya menumpukan kepada operasi pengurusan di Jabatan Editorial di syarikat penerbitan Cerdik Publications Sdn. Bhd. Pemilihannya adalah berdasarkan kepentingannya dalam sebuah organisasi penerbitan. Kepentingan jabatan ini turut dipersetujui oleh Smith (1966, hal. 37) dengan menyifatkannya sebagai kunci kepada kejayaan atau kegagalan sesebuah penerbit itu.

1.6 Asas Pengkonsepan

Dalam bahagian asas pengkonsepan ini, diterangkan bagaimana makna konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini.

1.6.1 Pengurusan

(a) Ivancerich, J. mentakrifkan pengurusan sebagai satu proses yang dilaksanakan oleh seseorang atau lebih untuk mengkoordinasikan defniti orang lain bagi memperoleh hasil yang tidak mungkin tercapai oleh seseorang sahaja.

(b) Takrifan Jaafar Muhamad mengenai pengurusan ialah proses mengagih-agihkan input-input organisasi dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan, dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output yang diperlukan oleh pelanggan-pelanggan supaya objektif organisasi tercapai.

1.6.2 Penerbitan buku

- (a) Takrifan penerbitan buku oleh Izzah Abdul Aziz (2000) ialah suatu proses mengeluarkan produk, iaitu buku yang mengandungi pelbagai idea dan maklumat. Proses ini selesai apabila buku dibaca oleh pembaca sasaran atau orang ramai.
- (b) Penerbitan buku meliputi segala hal mengenai penulisan, editorial (penyuntingan), pengeluaran dan percetakan, promosi, pemasaran, pengedaran, dan penjualan (Hasrom, 1992).

1.6.3 Objektif

Menurut Gross (dalam Jaafar Muhamad, 1992, hal. 17), objektif adalah satu kategori tujuan yang khusus dan merangkumi apa yang hendak dicapai oleh sesebuah organisasi seperti kepuasan ahli-ahli dalam organisasi, pengeluaran barangan dan perkhidmatan, kecekapan, mobilasi sumber-sumber, rasionalisis, perhatian tentang disiplin-disiplin dan peraturan-peraturan.

1.7 Soalan Kajiilidikan

Soalan kajiilidikan yang dikemukakan ialah:

- (a) Apakah objektif Jabatan Editorial?
- (b) Apakah masalah utama dalam pengurusan editorial?
- (c) Apakah masalah sampingan yang wujud dalam pengurusan editorial?
- (d) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah yang wujud?